



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>ISLAMIC ACCOUNTING</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>DPI1073</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>OKTOBER 2015</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>2 JAM 45 MINIT</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi EMPAT (4) bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (10 Markah)  
BAHAGIAN C (30 Markah)  
BAHAGIAN D (40 Markah)
  
2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A, BAHAGIAN B dan BAHAGIAN D. Jawab TIGA (3) soalan dari BAHAGIAN C.
  - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Betul/Salah
  - ii. Jawab BAHAGIAN B, C dan D di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan mukasurat baru.
  
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Borang Jawapan Betul/Salah
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 13 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**PART A**

This section consists of TWENTY (20) questions. Answer ALL questions in True/False Answer Sheet.

**BAHAGIAN A**

*Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (20) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Betul/Salah.*

1. Operating Ijarah is where the title of assets is not transferred to the lessee.  
*Ijarah Operasi adalah di mana hak milik aset tidak dipindahkan kepada pemajak.*
2. There are at least two methods to distribute profit to depositors or investors namely Separate Investment Account Method (SIAM) and Pooling Method (PM)  
*Terdapat sekurang-kurangnya dua kaedah untuk mengedarkan keuntungan kepada pendeposit dan pelabur iaitu Separate Investment Account Method (SIAM) dan Pooling Method (PM)*
3. Ijarah consists of two types which are Simple Ijarah and Ijarah Muntahia Bitamleek.  
*Ijarah terdiri daripada dua jenis iaitu Simple Ijarah dan Ijarah Muntahia Bitamleek.*
4. Expense is income that company receives from business activity.  
*Perbelanjaan adalah pendapatan syarikat yang diterima daripada aktiviti perniagaan.*
5. The primary objective of accounting information must fulfill the ultimate accountability to Allah S.W.T.  
*Objektif utama maklumat perakaunan adalah mesti memenuhi tanggungjawab kepada Allah S.W.T.*
6. Elements of ijarah include an offer and acceptance only.  
*Unsur-unsur ijarah terbahagi kepada tawaran dan penerimaan sahaja.*

7. The concept of haul determined that the wealth must be owned at least two years to qualify for the payment of zakat.

*Konsep haul ditentukan dengan kekayaan yang dimiliki sekurang-kurangnya dua tahun untuk melayakkan diri bagi pembayaran zakat.*

8. Islam defines masalah as the responsibility which the individual has to society and that which the society has to individual.

*Islam mendefinisikan masalah sebagai tanggungjawab individu kepada masyarakat dan tanggungjawab masyarakat kepada individu.*

9. The Islamic bank should not bear the risk in the trade.

*Bank Islam tidak perlu menanggung risiko dalam perdagangan.*

10. The Islamic bank should take deposits in advance from the customer.

*Bank Islam harus mengambil deposit terlebih dahulu dari pelanggan.*

11. Ijarah means wages paid to a person in consideration of the service rendered to him.

*Ijarah bermaksud upah yang dibayar kepada seseorang sebagai balasan bagi perkhidmatan yang diberikan kepadanya.*

12. Sukuk is the name for a financial certificate which is not interest-bearing bond.

*Sukuk adalah nama untuk sijil kewangan iaitu bukan bon faedah.*

13. The zakat payer not needs to truthfully disclose all of his or her financial acts.

*Pembayar zakat tidak perlu mendedahkan secara telus semua bentuk kewangan masing-masing.*

14. The rule of ethical conducts for legitimacy ethical principle is Ensure Shariah compliance of all business activities and transactions.

*Peraturan etika bagi prinsip kesahihan adalah memastikan pematuhan Syariah dalam aktiviti perniagaan dan urus niaga.*

15. Refuse gift, favor or hospitality that would threaten objectivity of profesional judgment are the rule of ethical conducts based on objectivity principles.

*Menolak penerimaan hadiah, sokongan atau layanan yang akan mengancam objektiviti pertimbangan profesional adalah peraturan laku etika berasaskan prinsip-prinsip objektiviti.*

16. The Islamic concept of Mudharabah is a partnership agreement and normally used in financing projects.

*Konsep Mudharabah ialah perjanjian perkongsian dan biasanya digunakan dalam projek-projek pembiayaan.*

17. Simple Mudharabah involve three parties consists of capital provider (depositor), intermediate mudarib (Islamic Bank) and final mudharib (entrepreneur).

*'Simple Mudharabah' melibatkan tiga pihak iaitu pemberi modal (pendeposit), mudarib perantaraan (Bank Islam) dan mudarib akhir (usahawan).*

18. Zakat is payable on wealth that have been owned for a full year (haul).

*Zakat dikenakan atas kekayaan yang dimiliki secara penuh dalam masa setahun (haul).*

19. The responsibility of Muslim accountant is to ensure objectives of the company in making profit every year are achieved.

*Tanggungjawab seorang akauntan Muslim ialah memastikan objektif syarikat untuk mendapat keuntungan setiap tahun tercapai.*

20. The qualitative characteristic of financial information are understandability, comparability and relevance.

*Ciri-ciri kualitatif maklumat kewangan ialah kebolehfahaman, perbandingan dan relevan.*

(20 marks/20 markah)

**PART B**

This part consist of TEN(10) questions. Answer ALL the question in Answer Booklet.

**BAHAGIAN B.**

*Bahagian ini mengandungi SEPULUH (10) soalan. Jawab semua soalan di dalam Buku Jawapan.*

Trustworthiness Amanah	Internal Dalaman	Monetary unit Unit Kewangan	Periodicity Jangka masa
Ijarah ijarah	Al-Wadiah Al-Wadiah	MASB MASB	Accounting Unit Unit Perakaunan
Maslahah Maslahah	Going concern Usaha berterusan	AAOIFI AAOIFI	Bai' Bithaman Ajil Bai' Bithaman Ajil
Legitimacy Kesahihan	External Luaran	Responsibility Tanggungjawab	Darruriyat Darruriyat
Allah SWT Allah SWT	Human Manusia	Hajiyyat Hajiyyat	Sukuk Sukuk

1. \_\_\_\_\_ is present and communicate relevant financial information honestly, truthfully and with adequate transparency  
\_\_\_\_\_ adalah membentangkan dan menyampaikan maklumat kewangan dengan jujur, benar dan ketelusan yang mencukupi.
2. "The thing left with a person who is not real owner for the purpose of safe-keeping" is the best describe principle of \_\_\_\_\_:  
"Sesuatu yang ditinggalkan kepada seseorang yang bukan pemilik sebenar bagi tujuan penyimpanan selamat "adalah yang terbaik menggambarkan prinsip \_\_\_\_\_.
3. The \_\_\_\_\_ concept for an Islamic financial institution means the life of the institution can be broken into reporting periods to prepare financial reports to the interested parties and stakeholders.

Konsep \_\_\_\_\_ bagi sebuah institusi kewangan Islam bermaksud hayat sesebuah institusi itu boleh dipecahkan kepada tempoh pelaporan untuk menyediakan laporan kewangan kepada pihak-pihak yang berkepentingan.

4. The objective of \_\_\_\_\_ is to develop accounting standards for Islamic financial institutions.

*Objektif \_\_\_\_\_ adalah untuk membangunkan piawaian perakaunan bagi institusi kewangan Islam.*

5. Financial accounting provides financial information to \_\_\_\_\_ user.

*Perakaunan kewangan menyediakan maklumat kewangan untuk pengguna \_\_\_\_\_.*

6. \_\_\_\_\_ is the name for a financial certificate which is not interest-bearing bond.

*\_\_\_\_\_ ialah sijil kewangan yang mana ianya bukan bon faedah.*

7. The primary objective of accounting information must fulfill the ultimate accountability to \_\_\_\_\_.

*Objektif utama maklumat perakaunan adalah mesti memenuhi tanggungjawab kepada \_\_\_\_\_.*

8. \_\_\_\_\_ are the basic assumptions in preparing and presenting financial statement that the business will continue for foreseeable future.

*\_\_\_\_\_ adalah andaian asas dalam menyediakan dan membentangkan penyata kewangan bahawa perniagaan akan berterusan pada masa depan yang boleh dijangka.*

9. \_\_\_\_\_ as those on which the lives of the people consist of the following which are din, nafs, mal, aql and nasl.

*\_\_\_\_\_ adalah di mana kehidupan rakyat terdiri daripada yang berikut iaitu din, nafs, mal, aql dan nas.*

10. Islam defines \_\_\_\_\_ as the responsibility which the individual has to society and that which the society has to individual.

*Islam mendefinisikan \_\_\_\_\_ sebagai tanggungjawab individu kepada masyarakat dan tanggungjawab masyarakat kepada individu.*

(10 marks/10 markah)



**PART C**

This section consists of FIVE (5) questions. Answer only THREE (3) questions in Answer Booklet.

**BAHAGIAN C**

*Bahagian ini mengandungi LIMA (5) soalan. Jawab TIGA (3) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.*

**QUESTION 1/SOALAN 1**

- a) Give detailed definition of ijarah financing. (2 marks)  
*Berikan maksud kewangan ijarah secara jelas.*
- b) Briefly explain THREE (3) elements of ijarah. (3 marks)  
*Terangkan secara jelas TIGA (3) elemen ijarah.*
- c) List any FIVE (5) types of sukuk. (5 marks)  
*Senaraikan secara ringkas LIMA (5) jenis sukuk.*

**QUESTION 2/SOALAN 2**

- a) State FOUR (4) shariah principles of Musyarakah Financing. (4 marks)  
*Nyatakan EMPAT (4) prinsip-prinsip syariah untuk Pembiayaan Musyarakah.*
- b) Give THREE (3) reasons of termination of Musyarakah. (3 marks)  
*Berikan TIGA (3) alasan penamatan kontrak Musyarakah.*
- c) State any THREE (3) shariah principles of Murabahah Financing. (3 marks)  
*Nyatakan TIGA (3) prinsip-prinsip syariah untuk Pembiayaan Murabahah.*

**QUESTION 3/SOALAN 3**

- a) Give **TWO (2)** accounting objective in Islamic perspective. (2 marks)  
*Berikan DUA (2) objektif perakaunan dalam perspektif Islam.*
- b) List **THREE (3)** examples of unlawful business practice in Islam. (3 marks)  
*Senaraikan TIGA (3) contoh amalan perniagaan yang menyalahi undang-undang dalam Islam.*
- c) Briefly explain **FIVE (5)** differences between conventional accounting and Islamic accounting.  
*Terangkan secara ringkas LIMA (5) perbezaan antara perakaunan konvensional dan perakaunan Islam.*

(5marks)

**QUESTION 4/SOALAN 4**

- a) Identify **THREE (3)** types on protection of maslahah. (3 marks)  
*Kenalpasti TIGA (3) jenis perlindungan maslahah.*
- b) Berikan maksud etika secara jelas. (2 marks)  
*Give detailed definition of ethics.*
- c) State any **FIVE (5)** principles of ethics for accountants. (5 marks)  
*Nyatakan LIMA (5) prinsip-prinsip etika untuk akauntan.*

**QUESTION 5/SOALAN 5**

- a) Explain **THREE (3)** assumptions in Islamic Accounting. (6 marks)  
*Jelaskan TIGA (3) andaian didalam Perakaunan Islam.*
- b) List **FOUR (4)** qualitative characteristics in the Convensiaonal Accounting. (4 marks)  
*Senaraikan EMPAT (4) karakter kualiti didalam Perakuanan Konvensional.*

**PART D**

This part consist of TWO(2) questions. Answer ALL questions in Answer Booklet provided.

**BAHAGIAN D**

*Bahagian ini mengandungi DUA (2) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan yang disediakan.*

**QUESTION 1**

Annual profit for Bank Amanah for the year 2013 amounting RM10,000,000 are distributed to mudharabah depositors (mudharabah mutlaqah). Depositor's profit sharing ratio under mudharabah deposit account currently at 0.2 (20:80 Investors: Bank). Information below pertaining to deposit types, average balance and the weights used for mudharabah deposit account in the Bank Amanah for the year 2013.

Deposit Types	Average Balance in 2013	Weights
6 months & less	30, 000, 000	0.5
9 months & less	50, 000, 000	0.8
12 months & less	50, 000, 000	1.0
More than 12 months	70, 000, 000	1.25
	<b>200, 000, 000</b>	

- a) You are required to determine:
- Weighted average balance for each deposit types
  - Investors share of profit based on weighted average balance
  - Investors rate of return for each deposit types (12 marks)
- b) Based on answer above, determine profit attributable to the following investors in the Mudharabah General Investment Account of Bank Amanah.
- Encik Adham invested RM950, 000 for the duration 4 months
  - Mr Baba invested RM560, 000 for duration 17 March 2013 until 27 October 2013.
  - Encik Comel invested RM630, 000 for duration 12 months (6 marks)
- c) Give the definition of 'Mudharabah Mutlaqah' and 'Mudharabah Muqayyadah'. (2 marks)

**SOALAN 1**

Keuntungan tahunan Bank Amanah bagi tahun 2013 berjumlah RM10, 000, 000 diedarkan kepada pendeposit-pendeposit mudharabah (mudharabah mutlaqah). Nisbah perkongsian keuntungan pendeposit di bawah akaun deposit mudharabah ini ialah pada 0.2 (20:80-Pelabur: Bank). Maklumat di bawah berkaitan dengan jenis-jenis deposit, baki purata dan juga wajaran yang digunakan untuk akaun deposit mudharabah di Bank Amanah bagi tahun 2013.

<b>Jenis deposit</b>	<b>Purata baki 2013</b>	<b>Wajaran</b>
6 bulan & kurang	30, 000, 000	0.5
9 bulan & kurang	50, 000, 000	0.8
12 bulan & kurang	50, 000, 000	1.0
Lebih dari 12 bulan	70, 000, 000	1.25
	<b>200, 000, 000</b>	

Anda dikehendaki mengenal pasti:

- i. Baki purata wajaran bagi setiap jenis deposit
- ii. Perkongsian keuntungan pelabur berdasarkan baki purata wajaran
- iii. Kadar pulangan pelaburan bagi setiap jenis deposit (12 markah)

a) Berdasarkan jawapan di bahagian (a), tentukan keuntungan yang diagihkan kepada para pelabur dalam Akaun Pelaburan Mudharabah Bank Amanah.

- i. Encik Adham membuat pelaburan RM950, 000 untuk tempoh 4 bulan
- ii. Encik Baba melabur RM560, 000 untuk tempoh 17 Mac 2012 sehingga 27 Oktober 2012.
- iii. Encik Comel melabur RM630, 000 untuk tempoh 12 bulan (6 markah)

b) Berikan maksud 'Mudharabah Mutlaqah' and 'Mudharabah Muqayyadah'.

(2 markah)

**QUESTION 2**

WANGI Sdn. Bhd. entered into mudharabah contract with BANK AMANAH with capital provided by the company amounting of RM6,000,000. This capital will be managed and invested by the bank to the profitable project as agreed by the client due to Bank Amanah provides Mudharabah Al-Muqayadah investment account facility. For this project, there is another investor HARUM Sdn. Bhd. who had agreed to invest RM4, 500, 000. Profit sharing ratio agreed between three of them is 5 for WANGI Sdn. Bhd, 3 for BANK AMANAH and 2 for HARUM Sdn. Bhd. Bank Amanah then enter into another mudharabah contract (Re-Mudharabah) with SEMERBAK Bhd and invest amount of RM10, 500, 000 for oil and gas project In Pasiris, Singapore . Profit and loss agreed between BANK AMANAH and SEMERBAK Bhd is 70:30 respectively.

Assuming result from the venture as follow, you are required to determine the profit or loss to be shared at the end of the contract by the four parties by using:

- i. Each period method and total
- ii. End of contract method

Year	Profit /Loss
1	(1,000, 000)
2	(250, 000)
3	2, 500, 000
4	7, 000, 000

(20 marks)

**SOALAN 2**

WANGI Sdn. Bhd. menandatangani kontrak mudharabah bersama BANK AMANAH dengan modal yang disediakan oleh syarikat berjumlah RM6,000,000. Modal ini kemudiannya akan diuruskan dan dilaburkan oleh pihak bank dalam projek yang boleh menjana keuntungan seperti yang dipersetujui oleh pelanggan. Ini berikutan BANK AMANAH menyediakan kemudahan akaun pelaburan Mudharabah Al-Muqayadah. HARUM Sdn. Bhd. merupakan sebuah lagi syarikat yang berminat untuk menyertai pelaburan ini dan telah bersetuju untuk melabur sebanyak RM4,500,000. Nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui antara ketiga-tiga buah syarikat ini adalah 5 bagi WANGI Sdn. Bhd, 3 bagi Bank Amanah dan 2 bagi HARUM Sdn. Bhd. BANK AMANAH kemudian memeterai satu lagi perjanjian mudharabah (Re-Mudharabah) bersama SEMERBAK Bhd dan melabur sejumlah RM10,500,000 dalam projek minyak dan gas di Pasiris, Singapura. Keuntungan dan kerugian yang dipersetujui antara BANK AMANAH dan SEMERBAK Bhd adalah masing-masing 70:30.

Andaikan hasil yang didapati dari pelaburan tersebut adalah seperti berikut, anda dikehendaki untuk menentukan keuntungan atau kerugian yang dikongsi oleh keempat - empat pihak pada akhir kontrak dengan menggunakan:

- i. Kaedah pada sesuatu tempoh dan jumlah
- ii. Kaedah pada akhir kontrak

<b>Tahun</b>	<b>Untung/Rugi</b>
1	(1,000,000)
2	(250,000)
3	2,500,000
4	7,000,000

(20 markah)

**END OF QUESTION PAPER**

**KERTAS SOALAN TAMAT**